SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 JLD 2 (38)

KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI HARIMAU SEDUNIA PERKUKUH KOMITMEN BERSAMA, KONSERVASI HARIMAU MALAYA TUNJUK PERKEMBANGAN POSITIF

Hari Harimau Sedunia 2026 yang disambut pada 29 Julai setiap tahun bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat global mengenai kepentingan memulihara spesies harimau yang diancam kepupusan akibat perubahan guna tanah, pemburuan haram, perdagangan hidupan liar di pasaran gelap serta konflik manusia dan harimau.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup berkata, penganjuran sambutan itu di Malaysia juga membawa matlamat sama, selain mencerminkan komitmen berterusan kerajaan bersama rakan strategik, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat dalam memperkukuh usaha konservasi Harimau Malaya.

"Sambutan ini menjadi platform untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memulihara Harimau Malaya yang hanya terdapat di Semenanjung Malaysia, sebagai khazanah biodiversiti serta simbol kebanggaan Malaysia dan turut tertera pada Jata Negara.

"Sebagai Menteri bertanggungjawab dalam menjaga khazanah hutan dan hidupan liar di negara ini, saya amat komited memastikan khazanah biodiversiti kita dipulihara dan digunakan secara mampan pada masa kini dan masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum merasmikan Sambutan Hari Harimau Sedunia 2026 di A'Famosa Resort di sini, hari ini.

Program dianjurkan menerusi kerjasama dengan Safari Wonderland A'Famosa Resort itu dihadiri pelajar, belia, badan korporat, masyarakat setempat dan NGO yang mencerminkan sokongan padu terhadap usaha melindungi Harimau Malaya.

Arthur berkata, ketika ini hasil pemantauan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dengan kerjasama NGO, menunjukkan populasi Harimau Malaya meningkat, sekali gus memberi petunjuk positif terhadap keberkesanan pelbagai inisiatif konservasi dilaksanakan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, berdasarkan Survei Harimau Kebangsaan Pertama dari tahun 2016 hingga 2020, Malaysia merekodkan anggaran Harimau Malaya kurang daripada 150 ekor, iaitu masih dalam situasi sangat membimbangkan.

“Ini bermakna, Malaysia akan kehilangan spesies Harimau Malaya buat selama-lamanya sekiranya tiada tindakan drastik dilaksanakan,” katanya.

Sehubungan itu, Arthur berkata, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) bersama kerajaan negeri, agensi penguatkuasaan dan NGO, terus memperkukuh pelaksanaan sembilan tindakan strategik konservasi Harimau Malaya sehingga tahun 2030 menerusi tiga pendekatan, iaitu menghentikan penurunan populasi, memperkasakan tadbir urus konservasi serta memastikan kelangsungan hidup spesies itu.

“Pelbagai program berimpak tinggi termasuk Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3), Operasi Bersepadu Khazanah (OBK), Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation (EFT), Program Pembiakan Harimau Malaya Dalam Kurungan (MyBIT) dan Malayan Tigers Genotyping System (MyTAGS) akan terus diperkasakan sebagai antara inisiatif utama melindungi Harimau Malaya dan habitatnya.

“Semua usaha melindungi Harimau Malaya dan memulihara habitat semula jadinya tidak mungkin tercapai tanpa komitmen daripada semua pihak,” katanya.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
24 JULAI 2026

MALAYSIA MADANI

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam(NRES)
Tel. : 03-8000 8000 I Faks : 03-8889 4763

nresmalaysia